

Newspaper	Berita Harian
Date	03/08/2017

Hutang negara terkawal: PM

BH- 3/8/2017
Pg. 2

Banyak lagi inisiatif kerajaan demi rakyat tolak fitnah pembangkang

Oleh Rohaniza Idris,
Ahmad Suhael Adnan
dan Azzman Abdul Jamal
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menegaskan hutang negara ketika ini berada dalam lingkungan terkawal dan kerajaan akan melakukan langkah terbaik untuk kepentingan rakyat selain memastikan mereka menerima faedah daripada inisiatif yang dilaksanakan.

Perdana Menteri berkata, dalam beberapa bulan akan datang, lebih banyak usaha akan dilakukan.

“Sebagai sebuah kerajaan, kita akan melakukan yang terbaik untuk rakyat, tetapi kita tidak boleh menjanjikan benda yang tidak boleh masuk akal, lazimnya yang

dijanjikan oleh pembangkang sebagai gula-gula untuk sukakan hati rakyat tetapi kita tahu ia tidak mampu dilakukan oleh mana-mana kerajaan,” katanya ketika sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Kurangkan defisit fiskal

Beliau berkata, kerajaan juga yakin mampu mengurangkan defisit fiskal negara daripada 6.7 peratus kepada sekitar tiga peratus hujung tahun ini dengan negara menjurus ke arah belanjawan berimbang.

“Soal 1MDB (1Malaysia Development Berhad (1MDB) pula, satu kenyataan sudah dikeluarkan. Itu soal teknikal sahaja, bukan soal tak mampu bayar balik, jadi dijangka (isu ini) tidak akan menjejaskan keyakinan (pelabur) kepada ekonomi negara kita.

“Kita juga sentiasa melakukan



usaha memastikan rakyat teramat mendapat faedah daripada dasar kerajaan dan sebab itu, kerajaan mengumumkan pakej untuk peneroka FELDA, veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM),” menjawab soalan tambahan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Permatang Pauh).

Terdahulu, Najib menyifatkan soalan Wan Azizah sebagai ‘syarahan mini’ apabila ketua pembangkang itu mengambil masa kira-kira empat minit untuk mengajukan soalan.

“Walaupun itu bukan soalan tambahan sebaliknya syarahan mini, tak apa saya terima kerana itu memang kerja pembangkang. Kalau tak buat begitu, payahlah dari segi politik,” katanya.

Menjawab soalan asal Datuk Seri Ahmad Hamzah (BN-Jasin) mengenai kebarangkalian Malaysia men-

capai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, Perdana Menteri berkata, pelan ekonomi kerajaan yang berpandangan jauh serta langkah proaktif melaksanakan keputusan penting, membina daya tahan ekonomi negara untuk menghadapi cabaran luar.

Pertumbuhan KDNK

Katanya, ia terbukti apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan 5.6 peratus bagi suku pertama tahun ini dengan prestasi itu disokong perbelanjaan sektor swasta.

“Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan dua angka iaitu sebanyak 12.9 peratus, manakala penggunaan swasta meningkat 6.6 peratus,” katanya.

Menjawab soalan tambahan Ahmad berhubung langkah drastik kerajaan melonjak kemampuan



Sebagai sebuah kerajaan, kita akan melakukan yang terbaik untuk rakyat, tetapi kita tidak boleh menjanjikan benda yang tidak boleh masuk akal”

Najib Razak,
Perdana Menteri

negara menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, Najib berkata, kerajaan akan melakukan segala-galanya di dalam kawalan negara bagi mencapai tujuan itu.

“Antaranya meningkatkan produktiviti negara daripada 3.7 peratus kepada lebih 4 peratus atau lebih tinggi, selain menambah pelaburan infrastruktur.

“Umpamanya bila dilaksanakan projek Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL), kadar pertumbuhan negeri Pantai Timur iaitu, Pahang, Terengganu dan Kelantan, dijangka meningkat 1.5 peratus berbanding jika tiada projek itu.

“Kita juga perlu meningkatkan inovasi, kaji gaji minimum dari semasa ke semasa, menentukan kita mesra pelabur dalam dan luar negara, membangunkan ekonomi digital yang sedang dirancang dan sebagainya,” katanya.